

BAB TIGA

PEMBINAAN KATA MENERUSI PROSES I'LA:L

3.0 Pengenalan

Sepertimana yang telah diperjelaskan dalam bab yang kedua, ahli morfologi telah membahagikan i'la:l kepada tiga bahagian. Bab ini membahaskan kaedah serta contoh bagi ketiga-tiga bahagian itu dengan lebih terperinci iaitu:

- i. Penukaran huruf ‘illat’ (الإعلال بالقلب)
- ii. Pengguguran huruf ‘illat’ (الإعلال بالحذف)
- iii. Pemindahan baris huruf ‘illat’ kepada huruf şahi:h yang berbaris mati (الإعلان بالنقل أو بالتسكين)

3.1 Penukaran Huruf ‘Illat’ (الإعلال بالقلب)

Berikut adalah lapan bahagian proses penukaran huruf ‘illat’ iaitu penukaran wa:w dan ya:’ kepada alif, penukaran alif kepada wa:w dan ya:’, penukaran wa:w dan ya:’ kepada hamzat, penukaran alif kepada hamzat, penukaran hamzat kepada alif, penukaran hamzat kepada wa:w, penukaran wa:w kepada ya:’ dan penukaran ya:’ kepada wa:w.

Huruf hamzat merupakan huruf şahi:h namun ahli linguistik Arab telah melibatkan huruf ini di dalam perbahasan i'la:l kerana ia banyak persamaan

dengan huruf ‘illat terutamanya alif dari segi bunyi yang sama apabila diberikan baris.

3.1.1 Penukaran Wa:w dan Ya:’ kepada Alif¹

Ia berlaku apabila wa:w dan ya:’ berbaris dan sebelumnya terdapat huruf yang berbaris atas, maka hendaklah ditukarkan wa:w dan ya:’ kepada alif kerana menjadi satu beban untuk mengujarkannya. Contohnya dalam firman Allah S.W.T:

* Surah al-Anfa:l, ayat 17:

وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلِكِنَّ اللَّهَ رَمَيَ

Maksudnya:

"Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir)"

* Surah A:li ‘Imra:n, ayat 38:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَاً رَبَّهُ وَ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ صَدِيقًا طَيِّبًا إِنَّكَ سَمِيعُ الْدُّعَاءِ



¹ ‘Abduh al-Ra;jihiyy, *Op.cit*, hh. 174-176, Ahmad al-Hamla:wiyy(1998), *Shadha: al-‘Arifi: Fann al-Sarf*, hh. 128-130.

Maksudnya:

"Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhanya, katanya: Wahai Tuhan! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik, sesungguhNya engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan"

Jadual 3.1 : Proses penukaran wa:w dan ya:' kepada alif

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
رَمِيٰ	رميٰ	Perkataan (رميٰ) dalam ayat di atas adalah salah satu contoh penukaran ya:' kepada alif. Asal perkataan (رميٰ) ialah (رميٰ) atas pola (فعل) yang huruf ya:'nya berbaris dan huruf sebelumnya iaitu mi:m berbaris atas. Dalam situasi ini ya:' ditukarkan kepada alif untuk meringankan sebutan dan kesesuaian baris atas dengan alif.
قَوْلَ/دَعْوَةً	قال/دعـا	Wa:w dalam kedua contoh di sebelah adalah berbaris dan sebelumnya terdapat huruf ‘ayn dan qa:f yang berbaris atas. Dalam situasi ini, penutur Arab tidak dapat menyebutnya dengan baik lalu menukarkan huruf wa:w dengan huruf alif bersesuaian dengan baris atas dan memudahkan sebutan.

Terdapat sepuluh syarat yang perlu diutamakan semasa proses penukaran wa:w dan ya:' kepada alif. Syarat-syarat tersebut adalah seperti jadual di berikut :¹

Jadual 3.2 : Syarat-syarat penukaran wa:w dan ya:' kepada alif

Bil.	Syarat-syarat penukaran	Bil.	Tidak berlakunya penukaran
1.	Wa:w dan ya:' berbaris sama ada atas, bawah atau depan. Contohnya (قُول / بَيْع)	1.	Sekiranya wa:w dan ya:' berbaris mati. Contohnya (قوْل / بَيْع)
2.	Baris wa:w dan ya:' adalah baris asal. Contohnya (صَوْم / هَيَب)	2.	Jika baris wa:w dan ya:' adalah baris baru. Contohnya (تَوَم) asalnya ialah (قَوْم). Bagi meringankan sebutan, baris hamzat telah dipindahkan kepada wa:w dan dibuang huruf hamzat tersebut.
3.	Huruf sebelum wa:w dan ya:' berbaris atas. Contohnya (نَوْم / رَمَيْ)	3.	Huruf sebelum wa:w dan ya:' berbaris bawah atau depan. Contohnya (جَلْ / سُورُّ)
4.	Huruf yang berbaris atas sebelum wa:w dan ya:' mestilah dalam satu perkataan. Contohnya (مَوْلَ / نَيْبَ)	4.	Sekiranya huruf yang berbaris atas sebelum wa:w dan ya:' berada dalam dua perkataan. Contohnya (كَتَبَ يَزْدَ).

¹ Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 137-144

Bil.	Syarat-syarat penukaran	Bil.	Tidak berlakunya penukaran
5.	<p>-Apabila wa:w dan ya:' sebagai ‘ayn kata kerja maka huruf selepasnya mestilah berbaris. Contohnya (قَوْمٌ / بَيْعٌ)</p> <p>- Jika wa:w dan ya:' adalah la:m kata kerja maka huruf selepasnya bukanlah alif ataupun ya:' yang bertasydid. Contohnya (دَعْوَةً / رَمَيْ) (عَلَوِيًّا / فَتَوِيًّا)</p>	5.	<p>- Jika huruf selepas wa:w dan ya:' yang terletak pada ‘ayn kata kerja berbaris mati. Contohnya (طَوِيلٌ / بَيَانٌ)</p> <p>- Apabila wa:w dan ya:' adalah la:m kata kerja dan huruf selepasnya adalah alif ataupun ya:' yang bertasydid. Contohnya (غَزَوًا / رَمَيًّا) atau (عَلَوِيًّا / فَتَوِيًّا)</p>
6.	Wa:w dan ya:' bukanlah ‘ayn kata kerja mengikut pola (فَعِلَ) dan kata sifatnya tidak mengikut pola (أَفْعَلَ). Contohnya (خَافِفٌ / هَابِبٌ) dan (خَوَافِفٌ / هَيَّابٌ)	6.	Wa:w dan ya:' merupakan ‘ayn kata kerja mengikut pola (فَعِلَ) dan kata sifatnya mengikut pola (أَفْعَلَ). Contohnya (عَوْرَةٌ / هِيفَ) dan (أَعْوَرَةٌ / هِيفَةٌ)
7.	Wa:w dan ya:' bukanlah ‘ayn maṣdar bagi kata kerja mengikut pola (فَعِلَ). Contohnya (خَوْفًا / هَوْبًا) dan (خَوَافِفًا / هَيَّابًا).	7.	Wa:w dan ya:' merupakan ‘ayn maṣdar bagi kata kerja mengikut pola (فَعِلَ). Contohnya (عَوْرَةً / هِيفَةً).
8.	Wa:w bukan terdiri daripada ‘ayn kata kerja mengikut pola (أَفْتَعَلَ) yang menunjukkan makna musyarakat (penyalangan). Contohnya (إِحْتَانَ - إِحْتَنَ)	8.	Wa:w merupakan ‘ayn kata kerja mengikut pola (أَفْتَعَلَ) yang menunjukkan makna musyarakat. Contohnya (إِجْتَوَرُوا / إِشْتَوَرُوا)

Bil.	Syarat-syarat penukaran	Bil.	Tidak berlakunya penukaran
9.	Tidak terdapat selepas huruf wa:w dan ya:' huruf yang boleh ditukarkan kepada alif.	9.	Sekiranya terdapat selepas huruf wa:w dan ya:' huruf yang boleh ditukarkan kepada alif maka ia dikekalkan dan huruf selepasnya ditukarkan kepada alif. Contohnya (هَوَى — هَوَى)
10.	Kedudukan wa:w dan ya:' bukan 'ayn kata nama yang diakhiri oleh alif dan nu:n (فعلان) atau alif maqṣu:rat_.	10.	Wa:w dan ya:' adalah 'ayn kata nama yang diakhiri oleh alif dan nu:n (فعلان) atau alif maqṣu:rat_. Contohnya (جَوَلَانٌ/هَيْمَانٌ)

3.1.2 Penukaran alif kepada ya:' dan wa:w

Keterangan berikut menjelaskan proses penukaran alif kepada ya':

3.1.2.1 Penukaran alif kepada ya:'¹

Terdapat dua keadaan alif ditukarkan kepada ya:' iaitu:

i. Apabila alif terletak selepas huruf yang berbaris bawah.

Contohnya firman Allah S.W.T:

¹ Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 107-109, ‘Abduh al-Ra;jiḥiyy, *Op.cit*, h. 167, Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy, *Op.cit*, h. 534

* Surah Fussilat, ayat 12:

وَزَيَّنَا الْسَّمَاءَ الْدُّنْيَا بِمَصْبِحٍ وَحِفْظًا

Maksudnya:

"Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya."

* Surah al-An 'a:m, ayat 59:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

" Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja"

Dalam dua ayat al-Quran di atas terdapat dua contoh penukaran alif kepada ya:'. Proses yang berlaku adalah seperti berikut:

Jadual 3.3 : Proses penukaran alif kepada ya:' jika alif terletak selepas huruf yang berbaris bawah

Perkataan	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
/ مِصْبَاح / مِفْتَاح	Jamak taksi:r مَصَابِح / مَفَاتِح	/ مَصَابِح / مَفَاتِح	Bagi meringankan sebutan perkataan jamak taksi:r dan mimitan maka ditukarkan alif kepada ya:' berpadanan dengan baris bawah sebelumnya kerana alif tidak sesuai menerima baris.
/ مِصْبَاح / مِفْتَاح	Mimitan مُصَيْبَح / مُفَيْتَح	/ مُصَيْبَح / مُفَيْتَح	

- ii. Apabila huruf alif berada selepas huruf ya:' mimitan. Contohnya seperti jadual berikut:

Jadual 3.4 : Proses penukaran alif kepada ya:' jika alif terletak selepas ya:' mimitan

Kata Nama	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
كتاب	كتّاب	كتّاب	Contoh di sebelah menjelaskan proses penukaran alif kepada ya:'. Setelah sesuatu perkataan dimasukkan ya:' mimitan, huruf alif terpaksa ditukarkan kepada huruf ya:' dan seterusnya menyerapkan ya:' mimitan

Kata Nama	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
غُلَامٌ	غُلِيْمٰ ام	غُلِيْمٰ	ke dalam ya:' tadi. Ia berlaku kerana selepas ya:' mestilah diletakkan huruf yang berbaris tetapi alif tidak dapat menerima kehadiran sebarang baris. Manakala ya:' mimitan pula hendaklah berbaris mati dan alif hanya sesuai dengan baris atas sebelumnya. Oleh sebab itu, alif ditukarkan kepada ya:'.
غَرَّالٌ	غُرِيْبٰ ال	غُرِيْلٰ	

3.1.2.2 Penukaran alif kepada wa:w¹

Ia terdapat dalam dua keadaan iaitu:

- i. Jika sebelum alif baris depan

Ia terjadi sekiranya kata kerja pola (فَاعِلٌ) ditukar kepada bentuk pasif (الفَعْلُ المُجْهُولُ) dan mimitan. Contohnya seperti berikut:

¹ Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 109-110, ‘Abduh al-Ra:jihiyy, *Op.cit*, h. 171, Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy, *Op.cit*, hh. 535-536

Jadual 3.5 : Proses penukaran alif kepada wa:w

Derivasi	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
Kata kerja pasif (كَاتِبٌ / عَاقِبٌ)	كُوْتَبٌ / عُوْقِبٌ	كُوْتِبٌ / عُوْقِبٌ	Sesuatu perkataan itu sukar diujarkan sekiranya keadaan seperti ini berlaku melainkan alif ditukarkan kepada wa:w. Kita tidak dapat mengujarkan perkataan yang sebelum huruf alif baris depan kerana ianya sesuai dengan baris atas. Manakala huruf yang sesuai dengan baris depan hanyalah wa:w.
Mimitan (كَاتِبٌ / عَاقِبٌ)	كُوْتِبٌ / عُوْقِبٌ	كُوْتِبٌ / عُوْقِبٌ	

ii. Jika alif terletak di kedudukan huruf yang kedua dalam sesuatu perkataan mengikut pola fa:‘il dan fa:‘ilaṭ. Ia terjadi ketika perkataan ini dijamakkan. Contohnya ialah:

* Firman Allah S.W.T surah al-Nu:r, ayat 60:

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ الَّتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا

Maksudnya:

"Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi"

* Firman Allah S.W.T surah al-Taubat, ayat 87:

رَضُوا بِأَن يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ

Maksudnya:

"Mereka suka tinggal bersama-sama orang yang ditinggalkan (kerana uzur)"

Penerangan bagi dua contoh yang telah dikemukakan iaitu bagaimana proses penukaran alif kepada wa:w jika perkataan itu mengikut pola pola fa:'il dan fa:'ilat adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.6 : Proses penukaran alif kepada wa:w jika perkataan itu mengikut pola fa:'il dan fa:'ilat

Asal	Bentuk jamak sebelum penukaran	Bentuk jamak selepas penukaran	Ulasan
Kata nama pola fa:'il (قَاعِدٌ)	قا عِد	قوَاعِدٌ	Contoh yang pertama iaitu القَاعِدُ merupakan jamak bagi kata tunggal atas pola fa:'il. Alif berada di kedudukan yang kedua dan apabila dijamakkan atas pola fawa:'il (فواعل) dilihat alif berada sebelum alif jamak yang memerlukan baris atas sebelumnya tetapi alif tidak dapat

Asal	Bentuk jamak sebelum penukaran	Bentuk jamak selepas penukaran	Ulasan
			menerima baris maka dalam keadaan ini alif ditukarkan kepada wa:w bagi meringankan lidah mengujarkannya.
Kata nama pola fa: <u>'ilat</u> <u>(خَالِفَةٌ)</u>	خَا الْفَ	خَوَالِفُ	Contoh yang kedua iaitu <u>الْخَوَالِفُ</u> atas pola fa: <u>'ilat</u> adalah jamak bagi kata tunggal <u>خَالِفَةٌ</u> di mana alif adalah huruf yang kedua dalam perkataan ini. Sepertimana diterangkan pada contoh yang pertama, alif tidak dapat diletakkan baris sedangkan alif jamak sebelumnya perlu kepada baris.

3.1.3 Penukaran wa:w dan ya:' kepada hamzat¹

Terdapat dua keadaan penukaran wa:w dan ya:' kepada hamzat, iaitu:

- Apabila wa:w atau ya:' merupakan huruf yang terakhir dalam sesuatu perkataan dan sebelumnya terdapat huruf alif imbuhan. Contohnya seperti berikut:

¹ Muhammed Khayr Halwa:ni; *Op.cit*, hh. 125-127, 'Abduh al-Ra:jihiyy, *Op.cit*, hh. 158-161, Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy, *Op.cit*, hh. 531-532, Muhammed Muştafa: Riđwa:n & 'Abdullah Darwish & Muhammed Altunjiyy, *al-Tamhī:d fi: al-Naḥw wa al-Śarf*, Ja:mi'aṭ Qa:r Yu:nus, hh. 577-579

* Firman Allah S.W.T surah al-Baqarat, ayat 22:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَشًا وَالسَّمَاءَ بَنَاءً

Maksudnya:

"Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya)"

Terdapat dua contoh dalam ayat di atas iaitu (بَنَاءً) dan (سَمَاءً). Kedua-dua contoh ini dapat menjelaskan kepada kita bagaimana proses penukaran wa:w dan ya:' terbentuk.

Jadual 3.7 : Proses penukaran wa:w dan ya:' kepada hamzat bagi keadaan pertama

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
بِنَاءً / سَمَاءً	بَنَاءً / أَسْمَاءً	<p>- (سَمَاءً) asalnya (السماء) tetapi telah ditukarkan wa:w kepada hamzat kerana ia terletak di akhir perkataan dan sebelumnya alif imbuhan.</p> <p>- (بناءً) asalnya ialah (بناء). Apabila diamati ya:' berada di akhir perkataan dan sebelumnya juga ada alif imbuhan maka perlulah ditukarkannya kepada hamzat sebagai langkah meringankan sebutan.</p>

- ii. Jika wa:w atau ya:' merupakan ‘ayn kepada kata kerja dalam kata nama pelaku. Contohnya seperti berikut :

* Firman Allah S.W.T surah al-A‘raf, ayat 4:

وَكُم مِّنْ قَرِيَةٍ أَهْلَكَنَا فَجَاءَهَا بَأْسُنَا بَيْتًا أَوْ هُمْ قَابِلُونَ

Maksudnya:

"Dan berapa banyak negeri yang kami binasakan dia iaitu datang azab seksa kami menimpa penduduknya pada malam hari, atau ketika mereka berehat pada tengahhari"

Jadual 3.8 : Proses penukaran wa:w dan ya:' kepada hamzat bagi

keadaan kedua

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
قاوْلُونَ	قَائِلُونَ	Kata kerja bagi perkataan ini ialah قال yang asalnya قَوْلٌ atas pola فعل dan wa:w adalah ‘ayn kata kerja. Kata nama pelaku baginya ialah قَاوِلٌ atas pola فاعل. Wa:w ditukarkan kepada hamzat kerana merujuk berlakunya penukaran wa:w kepada alif ketika membentuk kata kerja. Oleh itu, kata nama pelaku bagi قال ialah قائلٌ. Tujuan penukaran ini ialah untuk mengelak daripada ketidakserasan dan berlaku kesukaran pada sebutan.

3.1.4 Penukaran alif kepada hamzat¹

Alif digantikan dengan hamzat apabila berada di akhir kata dan selepas alif imbuhan. Contohnya seperti berikut :

Jadual 3.9 : Proses penukaran alif kepada hamzat

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
صَحْرَى / حَمْرَى	صَحْرَاء / حَمْرَاء	Hamzat di dalam kedua-dua contoh di atas adalah hasil penggantian alif kerana asal bagi (صَحْرَى) ialah (حَمْرَى) dan (صَحْرَاء) ialah (حَمْرَاء). Kemudian ditambah alif sebelum akhir seperti mana perkataan (كتاب) menjadi (حَمْرَاء) dan (صَحْرَاء). Terdapat dua alif yang berbaris mati, maka ditukarkan alif yang kedua kepada hamzat kerana makhraj alif dan hamzat berhampiran. Jadi, sebutan dapat diucapkan dengan mudah seperti (حَمْرَاء) dan (صَحْرَاء).

¹ Muṣṭafa: al-Għala:yi:niyy, *op.cit*, h. 120, Abu ‘Abdullah Muḥammad Ibn Abi: al-Wafa:’ al-Muwaṣṣala:, *Al-Tatimmaṭ fi: al-Taṣri:f*, h. 121, Abu: al-Baqā:’ Abdulllah Ibn al-Ḥusayn al-‘Ukbariyy, *Al-Luba:b fi: ‘Ilali al-Bina:’ wa al-I’ra:b*, hh. 286-287

3.1.5 Penukaran hamzat kepada ya:¹

Ia berlaku apabila membentuk pola jamak yang la:m kata pada pola mufradnya adalah ya:'. Contoh seperti di dalam jadual berikut :

Jadual 3.10 : Proses penukaran hamzat kepada ya:'

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
قَضَائِيُّ / هَدَائِيُّ	قَضَائِيَا / هَدَائِيَا	<p>Jika dilihat pada asal perkataan ini terdapat dua ya:', yang pertama huruf mad dan yang kedua la:m jamak. Dalam situasi ini, ya:' pertama ditukarkan kepada hamzat (قَضَائِيُّ / هَدَائِيُّ). Seterusnya ditukarkan baris bawah hamzat kepada baris atas (قَضَائِيُّ / هَدَائِيُّ). Namun dilihat ya:' berbaris dan terdapat hamzat baris atas sebelumnya maka ditukarkan ya:' kepada alif (قَضَاءً / هَدَاءً) bagi meringankan sebutan. Untuk mengelak berurutan tiga alif dalam perkataan tadi, hamzat yang berada di antara dua alif ditukarkan kepada ya:'. Akhirnya terbentuklah perkataan (قَضَائِيَا / هَدَائِيَا)</p>

¹ Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *op.cit*, hh. 68-69, ‘Abduh al-Ra:jihiy, *op.cit*, hh. 163-165

3.1.6 Penukaran hamzat kepada wa:w¹

Fenomena ini berlaku apabila la:m kata pada pola mufrad sesuatu perkataan adalah wa:w. Dalam keadaan begini hamzat kata jamak digantikan dengan wa:w seperti mana contoh di bawah :

Jadual 3.11 : Proses penukaran hamzat kepada wa:w

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
هَرَائِيُّ / أَدَاءِيُّ	هَرَاوَى / أَدَاوَى	Perubahan yang berlaku ialah apabila wa:w berada di akhir perkataan dan sebelumnya baris bawah. Ia perlu ditukar kepada ya:' kerana kesesuaianya dengan baris bawah (هَرَائِيُّ / أَدَاءِيُّ). Seterusnya baris hamzat ditukarkan kepada baris atas (هَرَأَيُّ / أَدَأَيُّ) dan ya:' pula terletak selepas hamzat baris atas, jadi huruf yang paling sesuai dengan baris atas ialah alif (هَرَاءَا / أَدَاءَا). Hamzat yang berada di antara dua alif mestilah ditukarkan kepada wa:w sebagai langkah meringankan sebutan yang akhirnya membentuk perkataan (هَرَاوَى / أَدَاوَى).

¹ 'Abduh al-Ra;jihiyy, *op.cit*, h. 165

3.1.7 Penukaran wa:w kepada ya:¹

Menerusi bahagian ini, terdapat sepuluh syarat penggantian wa:w kepada ya:². Berikut adalah kaedah yang perlu diketahui bagi memudahkan kita mengetahui bagaimana proses penukaran wa:w kepada ya:² berlaku.

Bagi menjelaskan kedah-kaedah penukaran wa:w kepada ya:², penulis menerangkannya dengan contoh-contoh seperti jadual berikut:

Jadual 3.12 : Proses penukaran wa:w kepada ya:²

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
1.	Wa:w terletak di akhir perkataan dan sebelumnya baris bawah	رَضِيَ	رَضِيَ	Asal perkataan adalah رَضِيَ iaitu dirujuk kepada maṣdarnya رِضْوَانٌ . Wa:w di dalam contoh ini ditukarkan kepada ya: ² kerana baris bawah sebelum wa:w sesuai dengan ya: ² .
2.	Wa:w berada di antara baris bawah dan alif	صِيَام	صِيَام	merupakan maṣdar daripada (صَامَ—يَصُومُ). Sebab ditukarkan wa:w

¹ ‘Abduh al-Ra:jihiyy, *op.cit*, h. 168

² *Ibid*, hh. 168-170,

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
	pada maṣdar ajwaf yang mu‘tal ‘ain			kepada ya:’ kerana sebelum wa:w adalah baris bawah.
3.	Wa:w adalah ‘ayn kalimah yang berada selepas baris bawah ketika jamak saḥī:h la:mnya mengikut pola (فَعَالٌ)	دوَار	ديَار	Syarat penukaran wa:w kepada ya:’ dalam situasi ini adalah sebelum wa:w baris bawah dan selepasnya terdapat huruf alif.
4.	Wa:w berbaris mati dan terletak selepas baris bawah	مُوْعَاد	مِيعَاد	Syarat penukaran ini ialah wa:w mestilah berbaris mati tetapi sekiranya wa:w mempunyai baris seperti صَوَانٌ maka wa:w tidak ditukarkan kepada ya:’.
5.	Wa:w merupakan la:m kalimah ketika jamak mengikut pola	مَرْضُوٌّ	مَرْضِيٌّ	Jika dilihat kepada perkataan asalnya terdapat dua wa:w iaitu pertama wa:w jamak

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
	(مَفْعُولٌ)			dan kedua wa:w la:m kalimah. Ditukarkan wa:w kedua kepada ya:' (مَرْضُويٌّ). Terdapat wa:w dan ya:' dalam satu perkataan maka ditukarkan wa:w kepada ya:' dan diidghamkan kepada ya:' yang kedua (مَرْضِيٌّ).
6.	Wa:w dan ya:' berada dalam satu perkataan dan huruf yang pertama sama ada wa:w atau ya:' mestilah huruf asal yang berbaris mati	طَوِيٌّ سَيُودٌ	طَيٌّ سَيَدٌ	Contoh yang pertama wa:w adalah huruf yang pertama dan ya:' merupakan huruf yang kedua. Namun dalam contoh yang kedua sebaliknya iaitu ya:' huruf yang pertama dan wa:w huruf yang kedua. Walaupun terdapat perbezaan kedudukan huruf tetapi syarat penukaran wa:w kepada ya:' adalah sama di

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
				mana wa:w digantikan dengan huruf ya:' dan seterusnya diidhamkan ya:' ke dalam ya:'.
7.	Wa:w merupakan huruf yang keempat atau lebih di dalam sesuatu perkataan dan sebelumnya baris atas	أَعْطَوْتَ	أَعْطَيْتَ	Wa:w dalam contoh ini terletak di kedudukan yang keempat dan sebelumnya baris atas maka ditukarkan kepada ya:' sepetimana berlaku semasa pembentukan kata kerja kala kini. Contohnya (عطٰ - يعطٰ - يعطٰ)
8.	Wa:w adalah la:m kalimah bagi kata sifat mengikut pola (فعلی)	دُنْوَى	دُنْيَا	Maka ditukarkan wa:w kepada ya:' apabila ianya menepati syarat penukaran seperti yang dijelaskan. Tetapi wa:w pada (حُزْوَى) tidak ditukarkan kepada ya:'

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
				walaupun ianya mengikut pola (فُعْلٰی) kerana ia merupakan kata nama tempat.
9.	Wa:w merupakan la:m kalimah ketika jamak mengikut pola (فُعُولٰ)	عَصْوُو	عَصَيٌّ	Jika terdapat dua wa:w di dalam satu perkataan, huruf pertama adalah wa:w jamak dan kedua la:m kalimah maka wajib ditukarkan wa:w yang kedua kepada ya:' (عَصَويٰ). Seterusnya ditukarkan wa:w yang pertama kepada ya:' dan diidhamkan ke dalam ya:' dan menukar baris atas sebelumnya kepada baris bawah bersesuaian dengan ya:' sebagai langkah meringankan sebutan.

Bil.	Kaedah	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
10.	Wa:w menjadi 'ayn kalimah bagi kata jamak mengikut pola (فعل) yang sahi:h la:mnya	صَوْمٌ	صَيْمٌ	Dalam keadaan ini wa:w boleh ditukarkan kepada ya:' ataupun dikekalkan seperti asal. Tetapi sekiranya wa:w adalah la:m kalimah seperti (شَوِيْ) maka kata pola jamak ialah wajib dikekalkan wa:w (شُوَى).

Dapatlah disimpulkan bahawa wa:w akan ditukarkan kepada ya:' apabila dalam situasi-situasi seperti di atas iaitu bersesuaian dengan baris bawah sebelumnya.

3.1.8 Penukaran ya:' kepada wa:w¹

Penukaran ya:' kepada wa:w berlaku pada empat keadaan iaitu:

- Apabila ya:' berbaris mati berada selepas baris atas dengan syarat perkataan itu bukanlah kata jamak atas pola (فعل). Contohnya seperti berikut :

¹ Yu:suf ' al-Jurshat & Ibra:hi:m Hasan Ibra:hi:m, *op.cit*, hh. 130-136, Muḥammad Khayr Halwa:ni:, *Op.cit*, hh. 123-124, Ahmad al-Hamla:wiyy, *op.cit*, hh. 127- 128

Jadual 3.13 : Proses penukaran ya:' kepada wa:w bagi keadaan pertama

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
(يُقْرِنُ / يُسَّرُ)	(يُوْقِنُ / يُوْسِرُ)	Perkataan asal bagi contoh ini dirujuk kepada maṣdar iaitu (اليقين/اليسير). Bagi memudahkan sebutan, huruf yang paling sesuai dengan baris depan ialah wa:w. Jadi, situasi ya:' dalam contoh yang dikemukakan ialah berbaris mati dan terletak selepas baris depan. Oleh yang demikian, penggantian ya:' dengan huruf wa:w adalah satu langkah yang rasional.
(مُبِّقِنُ / مُبِّسِرُ)	(مُوْقِنُ / مُوْسِرُ)	

- ii. Huruf ya:' adalah la:m kata kerja dan berada selepas baris atas pada situasi-situasi berikut :

Jadual 3.14 : Proses penukaran ya:' kepada wa:w bagi keadaan kedua

Situasi	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
1. kata kerja mengikut pola (فَعْلٌ)	قَضَى	قَضَوْ	Ya:' dalam contoh-contoh di sebelah merupakan la:m kata kerja dan sebelumnya baris atas.
2. kata nama yang diakhiri dengan ta:'	مَرْمِيَةٌ	مَرْمُوَةٌ	
3. kata nama yang diakhiri dengan alif	رَمِيَانٌ	رَمْوَانٌ	Maka dalam keadaan ini ya:' mestilah ditukarkan

Situasi	Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
dan nu:n tetapi bukan kata yang menunjukkan makna dua			kepada wa:w bagi keserasian baris atas yang amat bersesuaian dengan wa:w serta meringankan sebutan.

iii. Huruf ya:' sebagai la:m kata kerja mengikut pola (فَعْلِي). Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.15 : Proses penukaran ya:' kepada wa:w bagi keadaan ketiga

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
تَقِيَا	تَقْوَى	Merujuk kepada kata kerja iaitu (وَقْيَةً) dapat diketahui asal bagi wa:w (تَقْوَى) ialah ya:. Kemudian ditukarkan ya:' kepada wa:w bagi meringankan sebutan.

iv. Huruf ya:' sebagai ayn kata kerja mengikut pola (فُعْلِي). Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.16 : Proses penukaran ya:' kepada wa:w bagi keadaan keempat

Sebelum Penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
طَيِّبٌ	طَوْبَىٰ	Asal wa:w pada (طَوْبَىٰ) ialah ya:' apabila dirujuk kepada kata kerja (طَابَ - يَطِيبُ). Sebelum ya:' terdapat baris depan, jadi bagi meringankan sebutan dan memilih huruf yang sesuai dengan baris atas maka ditukarkan ya:' kepada wa:w.

3.2 Pengguguran Huruf ‘Illat¹ (الاعلال بالحذف)

Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu :

3.2.1 Pengguguran Huruf Hamzat (أفعل)

Kata kerja kala lampau atas pola (أفعل) digugurkan huruf hamzatnya ketika membentuk kata kerja kala kini, kata nama pelaku dan kata nama objek.

Contohnya seperti berikut :

¹ Abd al-‘Ali:m Ibra:hi:m, *Taisi:r al-I‘la:l wa al-Ibda:l*, Maktabat Ghari:b, Qa:hirat, hh. 67-74, ‘Abba:s Ḥasan, *al-Naḥw al-Wa:fi:*, Juz' 4, Da:r al-Ma‘a:rif, Qa:hirat, hh. 800-803, Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy, *Op.cit*, hh. 538-539, Abu: Muhammad ‘Abdullah Jama:uddi:n Yu:suf, *Awḍaḥ al-Masa:lik*, hh. 360-363, Yu:suf al-Jurshat & Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *op.cit*, hh. 161-173, Muhammad Khayr Ḥalwa:ni:, *Op.cit*, hh. 113-114

*Firman Allah S.W.T surah al-Fajr, ayat 17:

كَلَّا بَلْ لَا تُكْرِمُونَ الْيَتِيمَ

Maksudnya :

“Jangan demikian, (sebenarnya kata-kata kamu itu salah). Bahkan (perbuatan kamu wahai orang-orang yang hidup mewah, lebih salah lagi kerana) kamu tidak memuliakan anak yatim, (malah kamu menahan apa yang ia berhak menerimanya)”

* Firman Allah S.W.T surah al-Duha:, ayat 5:

وَلَسَوْفَ يُعَطِّيلُكَ رَبُّكَ فَتَرْضَى

Maksudnya :

“Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda - berpuas hati.”

Kata kerja kala lampau atas pola (أَفْعَلَ) bagi perkataan yang bergaris di dalam firman Allah di atas ialah (أَكْرَمَ) dan (أَعْطَى).

Bagi menjelaskan lagi proses yang terjadi kepada kedua-dua contoh tersebut, penulis merumuskannya menerusi jadual berikut :

Jadual 3.17 : Proses pengguguran huruf hamzat (أفعل)

Derivasi	Sebelum Pengguguran	Selepas Pengguguran
Kata Kerja Kala	تُنَكِّرْ مُونَ	نُكْرُ مُونَ
Kini	يُؤْعَطِي	يُعَطِي
Kata Nama Pelaku	مُؤْكِرْ مُونَ	مُكْرُ مُونَ
	مُؤَعْطِي	مُعَطِي
Kata Nama Objek	مُؤْكِرْ مُونَ	مُكْرُ مُونَ
	مُؤَعْطَى	مُعَطَى

Jadual di atas menunjukkan huruf hamzat pada (أفعل) telah digugurkan apabila membentuk kata kerja kala kini, kata nama pelaku dan kata nama objek. Ini kerana semasa membina kata kerja kala kini yang menggunakan hamzat di awal perkataan seperti أَكْرِمُ yang asalnya أَكْرِمٌ terdapat dua huruf hamzat di dalam satu perkataan yang sukar untuk menyebutnya. Oleh itu, digugurkan huruf hamzat yang kedua bagi meringankan sebutan.

3.2.2 Pengguguran Fa:' Kata Kerja Mitha:l

Sekiranya kata kerja kala lampau thula:thiyy yang fa:'nya adalah wa:w dan 'aynnya berbaris bawah pada kata kerja kala kini maka digugurkan fa:'nya ketika membentuk kata kerja kala kini, kata perintah dan masdar. Namun bagi masdar, pengguguran fa:' itu diganti dengan ta:' marbu:ṭat. Contohnya seperti berikut :

* Firman Allah S.W.T surah al-Fa'tir, ayat 40:

... بَلْ إِن يَعِدُ الظَّالِمُونَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya :

“...bahkan orang-orang yang zalim itu, terpedaya dengan kata-kata yang disebutkan oleh setengahnya kepada yang lain, kata-kata yang hanya menjanjikan perkara yang tidak benar.”

* Firman Allah S.W.T surah al-Nahl, ayat 62:

وَجَعَلُونَ لِلَّهِ مَا يَكْرَهُونَ وَتَصِفُ الْسِنَّةُ الْكَذِبَ أَنَّ لَهُمْ
الْحُسْنَى

Maksudnya:

“Dan mereka mengadakan bagi Allah apa yang mereka sendiri tidak menyukainya; Dalam pada itu, lidah mereka memperkatakan perkara yang dusta, (kononnya) bahawa mereka akan beroleh kesudahan yang baik di sisi Allah.”

Jadual berikut dapat menjelaskan dengan lebih terperinci perubahan yang berlaku semasa pengguguran fa:’ kata kerja mitha:l iaitu huruf wa:w bagi kata kerja kala lampau (وعد) dan (وصف) untuk kedua-dua contoh di atas.

Jadual 3.18 : Proses pengguguran fa:' kata kerja mitha:

Derivasi	Sebelum Pengguguran	Selepas Pengguguran	Ulasan
Kata Kerja Kala Kini	يُعِدُ	يَعِدُ	Pengamatan kepada kedua-dua contoh ini, dapatlah dirumuskan bahawa huruf wa:w terletak di antara ya:' yang berbaris atas dan huruf yang berbaris bawah. Oleh itu, digugurkan wa:w bagi semua derivasi. ¹
	يُقْصِفُ	يَقْصِفُ	
Kata Perintah	أُوْعِدْ	عِدْ	Derivasi ini juga mengalami proses yang sama iaitu huruf wa:w digugurkan dan diikuti oleh pengguguran huruf alif sebagai langkah meringankan sebutan.
	أُوْصِفْ	صِفْ	
Maṣdar	وَعْد	عِدَة	Proses yang berlaku ialah digugurkan huruf wa:w yang berbaris bawah selepas barisnya dipindahkan kepada huruf 'ayn dan ša:d dalam kedua-dua contoh ini. Sebagai
	وَصْف	صِفَة	

¹ Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *Op.cit*, h. 164

Derivasi	Sebelum Pengguguran	Selepas Pengguguran	Ulasan
			ganti pembuangan huruf wa:w ditambah huruf ta:' marbu:tat ¹ .

Pengguguran fa:' kata kerja mitha:l yang telah dijelaskan mengandungi syarat-syarat yang perlu diketahui agar kita dapat mengenalpasti bilakah fa:' kata kerja digugurkan dan bila pula dikekalkan. Syarat-syaratnya ialah seperti berikut:

- i. Apabila ‘ayn kata kerja berbaris bawah ketika membentuk kata kerja kala kini mestilah digugurkan fa:' kata kerja mitha:l iaitu wa:w (وَعَدْ). Contohnya يُعِدُ asalnya .
- ii. Apabila ‘ayn kata kerja berbaris atas ketika membentuk kata kerja kala kini terdapat dua kaedah iaitu:
 - sekiranya ‘ayn kata kerja berbaris atas ketika membentuk kata kerja kala lampau seperti وَضَعْ maka digugurkan fa:' kata kerja mitha:l iaitu wa:w pada kata kerja kala kini iaitu يَضَعُ asalnya .
 - sekiranya ‘ayn kata kerja berbaris bawah ketika membentuk kata kerja kala lampau seperti وَجِلْ maka dikekalkan fa:' kata kerja mitha:l iaitu wa:w pada kata kerja kala kini iaitu يُجِلُّ .
- iii. Apabila ‘ayn kata kerja berbaris depan ketika membentuk kata kerja kala kini mestilah dikekalkan fa:' kata kerja mitha:l iaitu wa:w. Contohnya

¹ Abu: Muḥammad Abdullah Jama:uddin Ibn Yu:suf, *op cit*, h. 362

kata kerja kala lampau وَضُرْبٌ dibentuk kata kerja kala kini menjadi يَوْضُرْبٌ tanpa menggugurkan wa:w tersebut .

3.2.3 Pengguguran ‘Ayn Kata Kerja Ajwaf¹

Digugurkan ‘ayn kata kerja ajwaf pada dua keadaan iaitu seperti berikut:

- i. ‘Ayn kata kerja ajwaf digugurkan jika kata kerja kala kini berbaris mati iaitu terdapat huruf jazm di hadapannya dan pada kata kerja perintah.
- Contohnya seperti jadual di bawah :

Jadual 3.19 : Proses pengguguran ‘ayn kata kerja ajwaf jika kata kerja kala kini berbaris mati dan kata kerja perintah

Sebelum Pengguguran	Selepas Pengguguran	Ulasan
لَمْ يَقُولْ / لَمْ يَيْعِ	لَمْ يُقلْ / لَمْ يَيْعِ	Kedua-dua contoh ini mengalami pemindahan baris huruf ‘illat kepada huruf sahi:h yang mati sebelumnya (لَمْ يَقُولْ / لَمْ يَيْعِ). Terdapat dua huruf yang mati iaitu sama ada wa:w atau ya:’ dengan la:m kata kerja maka berlakulah proses pengguguran ‘ayn kata kerja ajwaf kerana berat untuk mengujarkannya.

¹ Muhammed Muştofa: Ridwa:n & Dr. ‘Abdullah Darwish & Muhammad Altunjiyy, *op cit*, h. 595

Sebelum Pengguguran	Selepas Pengguguran	Ulasan
فُؤْنٌ / بِيَعْ	قُلْ / بَعْ	Apabila bertemu dua huruf yang berbaris mati seperti yang bergaris di sebelah maka digugurkan ‘ayn kata kerja ajwaf bagi meringankan sebutan.

- ii. ‘Ayn kata kerja ajwaf bagi kata kerja kala lampau digugurkan jika la:m kata kerja berbaris mati ketika bersambung dengan kata ganti yang berbaris kerana bertemu dua baris mati. Contohnya seperti jadual di bawah:

Jadual 3.20 : Proses pengguguran ‘ayn kata kerja ajwaf jika la:m kata kerja berbaris mati

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
فُؤْلُتُ / قُوْلُنْ	قُلْتُ / قُلْنَ	Huruf wa:w atau ya:’ merupakan ‘ayn kata kerja ajwaf yang mesti digugurkan kerana berat untuk menyebutnya ketika la:m kata kerja bersambung dengan kata ganti nama. Contoh yang pertama قُولْتُ / قُولْنَ terdapat dua huruf yang berbaris mati iaitu ‘ayn kata kerja ajwaf dan la:m kata kerja. Oleh itu ‘ayn kata kerja ajwaf iaitu wa:w yang juga merupakan

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
بِعْتُ / بِعْنَ	بِعْتُ / بِعْنَ	huruf ‘illat̄ digugurkan. Contoh yang kedua melibatkan huruf ‘illat̄ ya:’ sebagai ‘ayn kata kerja ajwaf بِيْ بِعْ . بِعْتُ / بِعْنَ’. Proses yang berlaku adalah sama iaitu apabila terdapat dua huruf yang berbaris mati digugurkan ‘ayn kata kerja ajwaf iaitu ya:’.

3.3 Pemindahan Baris Huruf ‘Illat̄ Kepada Huruf Şahi:h yang Berbaris Mati¹ (الإعوال بالنقل أو بالتسكين)

Perubahan bentuk ini melibatkan kata kerja ajwaf, kata nama yang sama dengan kata kerja kala kini, maṣdar atas pola (إفعال) (استفعال) atau kata nama objek bagi kata kerja thula:thiyy ajwaf. Berikut adalah keterangan mengenai perubahan yang berlaku.

3.3.1 Kata Kerja Ajwaf

Kata kerja ajwaf ialah kata kerja yang aynnya merupakan huruf ‘illat̄. Berlaku pemindahan baris huruf ‘illat̄ tersebut dengan huruf şahi:h sebelumnya. Proses ini dapat dilihat pada contoh-contoh berikut :

¹ Abd al-‘Ali:m Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 44-64, ‘Abba:s Hasan, *Op.cit*, hh. 794-799, Abu: Muḥammad Abdullah Jama:luddi:n Yu:suf, *op.cit*, hh. 357-360, Aḥmad al-Ḥamla:wiyy, *op.cit*, hh. 132-133, Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 153-160.

* Firman Allah S.W.T surah a:li 'Imra:n, ayat 195:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيقُ عَمَلَ عَمِيلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى

Maksudnya:

" Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya):

Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan "

* Firman Allah S.W.T surah an-Naml, ayat 62:

أَمَّنْ تُحِبُّ الْمُضْطَرَ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ الْسُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ
الْأَرْضِ

Maksudnya:

" Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? "

* Firman Allah S.W.T surah al-Anfa:l, ayat 24:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَسْتَجِيبُوْا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا تُحِبِّيْكُمْ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna;”

Ketiga-tiga contoh di atas tergolong di dalam derivasi kata kerja ajwaf iaitu ‘ayn kata kerja adalah huruf wa:w yang merupakan huruf ‘illat. Jadual di bawah menunjukkan perubahan yang berlaku dengan lebih jelas.

Jadual 3.21 : Proses pemindahan baris huruf ‘illat kepada huruf sahi:h yang berbaris mati bagi kata kerja ajwaf

Kata Kerja	Sebelum Pemindahan	Selepas Pemindahan	Ulasan
1. Kata kerja kala lampau	استَحْبَطْ ↓ استَحْوَبْ	سَاحِبْ	Perkataan (استَحْبَطْ) adalah kata kerja kala lampau. Asalnya ialah (استَحْوَبْ) namun baris huruf wa:w dipindahkan kepada huruf sahi:h yang berbaris mati sebelumnya iaitu huruf ba:' (استَحْوَبْ). Seterusnya huruf wa:w digantikan dengan huruf alif kerana baris atas bersesuaian dengan huruf alif dan sebagai langkah meringankan sebutan.

Kata Kerja	Sebelum Pemindahan	Selepas Pemindahan	Ulasan
2. Kata kerja kala kini		<p style="text-align: center;">يُحِبُّ</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p style="text-align: center;">يُجُوبُ</p>	<p>Asal bagi kata kerja kala kini (يُحِبُّ) ialah (يُجُوبُ).</p> <p>Berlaku pertukaran baris huruf wa:w kepada huruf ji:m sebelumnya dan wa:w perlu digantikan dengan huruf ya:' kerana ianya hanya sesuai dengan baris bawah dan mudah disebut.</p>
3. Kata kerja perintah		<p style="text-align: center;">إِسْتَحِبُّوا</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p style="text-align: center;">إِسْتَجْوَبُوا</p>	<p>Asal bagi kata perintah (إِسْتَحِبُّوا) pula ialah (إِسْتَجْوَبُوا). Baris huruf wa:w ditukarkan kepada huruf ji:m sebelumnya dan wa:w perlu digantikan dengan huruf ya:' kerana ianya bersesuaian dengan baris bawah dan bagi meringankan sebutan.</p>

3.3.2 Kata nama yang sama dengan kata kerja kala kini (اسم يشبه المضارع)

Kata nama ini mestilah terdapat huruf ‘illat yang berbaris pada aynnya dan ianya juga menyerupai kata kerja kala kini pada polanya. Contohnya seperti berikut :

* Firman Allah S.W.T surah al-Dukha:n, ayat 51:



Maksudnya :

“Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa (akan ditempatkan) di tempat tinggal yang aman sentosa”

Penjelasan mengenai proses pemindahan ini seperti jadual di bawah:

Jadual 3.22 : Proses pemindahan baris huruf ‘illat kepada huruf şahi:h yang berbaris mati bagi kata nama yang sama dengan kata kerja kala kini

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Ulasan
مَقْوِمٌ	مَقَامٌ	Perkataan (مقام) atas pola (مفعول). Kata asalnya (مقوم) tetapi telah berlaku pemindahan baris huruf ‘illat (wa:w) kepada huruf şahi:h (qa:f) sebelumnya dan seterusnya wa:w ditukarkan kepada alif bagi memudahkan sebutan kerana baris atas sesuai dengan huruf alif.

3.3.3 Maşdar atas pola (إِفْعَال) atau (اسْتِفْعَال)

Bagi maşdar atas pola (إِفْعَال) atau (اسْتِفْعَال) ‘aynnya mestilah terdiri daripada huruf ‘illat. Contohnya : إِقَامَةٌ dan اسْتِقَامَةٌ. Jadual berikut menjelaskan kepada bagaimana proses ini berlaku.

Jadual 3.23 : Proses pemindahan baris huruf ‘illat kepada huruf sahi:h yang berbaris mati bagi maşdar atas pola (إِفْعَال) atau (اسْتِفْعَال)

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Proses I'la:l	Ulasan
إِقْوَامٌ	إِقَامَةٌ	<p>The diagram illustrates the movement of letters in the word 'iqwam'. It starts with 'إِقْوَامٌ' at the top. An arrow points down to 'إِقَامٌ', where another arrow points down to 'إِقَامَةٌ' at the bottom. This visualizes the transition from the original form to its grammaticalized state.</p>	<p>Kata asal bagi (إِقَامَةٌ) ialah (إِقْوَامٌ) dan (اسْتِقَامَةٌ) ialah (اسْتِقْوَامٌ). ‘Ayn maşdar bagi kedua-duanya ialah huruf wa:w. Oleh itu, berlaku pemindahan baris huruf wa:w kepada huruf sahi:h sebelumnya iaitu qa:f (إِقْوَامٌ) dan (سْتِقْوَامٌ). Kemudian wa:w ditukarkan kepada huruf alif (إِقَامَةٌ) dan (اسْتِقَامَةٌ), tetapi apabila bertemu dua huruf alif yang berbaris mati maka wajiblah kita membuang huruf alif yang kedua kerana ianya merupakan huruf tambahan dan</p>
اسْتِقْوَامٌ	اسْتِقَامَةٌ	<p>The diagram illustrates the movement of letters in the word 'astiqwam'. It starts with 'اسْتِقْوَامٌ' at the top. An arrow points down to 'اسْتِقَامٌ', where another arrow points down to 'اسْتِقَامَةٌ' at the bottom. This visualizes the transition from the original form to its grammaticalized state.</p>	<p>اسْتِقَامَةٌ</p>

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Proses I'la:l	Ulasan
			terletak hampir dengan huruf yang terakhir. Seterusnya digantikan dengan huruf ta:' marbu:taṭ di akhir perkataan menjadi (إِقَامَة) (اسْتِقَامَة) dan (اسْتِقَامَة).

3.3.4 Kata nama objek bagi kata kerja thula:thiyy ajwaf

‘Ayn kata nama objek tersebut mestilah terdiri daripada huruf ‘illat sama ada wa:w ataupun ya:’. Contohya seperti berikut:

* Firman Allah S.W.T surah al-Wa:qi‘at, ayat 86:

فَلَوْلَا إِن كُنْتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ ٨٦

Maksudnya :

“Maka bukankah elok kalau kamu orang-orang yang tidak dikuasai (dan tidak tunduk kepada kekuasaan kami)”

Berpandukan firman Allah di atas, perkataan tunggal bagi (مَدِينِين) ialah (مَدِينَ).

Penjelasan lebih terperinci mengenai proses yang berlaku seperti jadual di bawah :

Jadual 3.24 : Proses pemindahan baris huruf ‘illat kepada huruf sahi:h yang berbaris mati bagi kata nama objek

Sebelum penukaran	Selepas Penukaran	Proses I'la:l
مَدِيْنٌ	مَدِيْنٌ	<ul style="list-style-type: none"> • Dipindahkan baris huruf ya:' kepada huruf da:l tetapi terdapat dua huruf yang berbaris mati iaitu ya:' dan wa:w maf'u:l (مَدِيْنٌ). • Maka dibuang huruf wa:w kerana ianya huruf tambahan dan dikekalkan huruf ya:' yang berbaris mati sebelumnya baris depan (مَدِيْنٌ). • Seterusnya digantikan baris depan dengan baris bawah bersesuaian dengan huruf ya:' (مَدِيْنٌ)

Terdapat empat syarat yang perlu diketahui bagi proses pemindahan baris iaitu seperti berikut:

- i. Huruf yang berbaris mati sebelum huruf ‘illat mestilah terdiri daripada huruf sahi:h. Contohnya يَقُوْمٌ berasal daripada يَقُوْمٌ. Tetapi sekiranya huruf yang berbaris mati itu terdiri daripada huruf ‘illat tidak berlaku pemindahan baris dengan huruf ‘illat yang berada selepasnya. Contohnya قَاوَمٌ di mana huruf yang berbaris mati ialah alif yang juga merupakan huruf ‘illat berada sebelum huruf ‘illat iaitu wa:w. Sekiranya

keadaan ini berlaku tidak dipindahkan baris huruf mati kepada huruf ‘illat.

- ii. Jika huruf ‘illat berbaris dan merupakan ‘ayn kata kerja bagi kata kerja ta‘ajjub maka tidak berlaku pemindahan baris huruf şahi:h dengan huruf ‘illat. Contohnya **مَا أَقْوَمْ** tidak dipindahkan baris huruf ‘illat kepada huruf şahi:h yang berbaris mati.
- iii. Jika huruf ‘illat adalah ‘ayn kata kerja ketika membentuk kata kerja muḍa“af la:m tidak dipindahkan baris huruf şahi:h dengan huruf ‘illat. Contohnya **أَيْضُّ / اسْوَدَ** di mana baris huruf wa:w dan ya:’ tidak dipindahkan barisnya dengan baris huruf şahi:h sebelumnya iaitu si:n dan ba:’. Sekiranya berlaku perpindahan baris seperti **أَيْضُّ / اسْوَدَ** maka hamzat wasl digugurkan. Manakala wa:w dan ya:’ ditukarkan kepada alif bersesuaian dengan baris atas lalu terbentuklah satu perkataan baru yang berlainan maksud dengan perkataan asal iaitu **بَاضُّ / سَادَ**.
- iv. Jika la:m kata kerja terdiri daripada huruf ‘illat tidak dipindahkan baris huruf şahi:h dengan huruf ‘illat. Contohnya **أَهْوَى**.

3.4 Kesimpulan

Hasil kajian ini penulis dapati i‘la:l berlaku pada huruf ‘illat, huruf hamzat dan baris tertentu seperti yang telah dijelaskan. Penukaran huruf ‘illat terikat dengan syarat-syarat tententu, contohnya ketika penukaran wa:w dan ya:’ kepada alif dan wa:w kepada ya:’. Begitu juga dalam proses pengguguran

fa:' kata kerja mitha:l terdapat tiga syarat yang perlu diketahui. Secara umumnya terdapat empat syarat ketika proses pemindahan baris huruf ‘illat dengan huruf sahi:h. Jadi kita perlu prihatin dengan syarat –syarat yang telah dijelaskan supaya proses ini berlaku dengan tepat.